

Rakyat bukan Islam

U.M. 15 SEP 1993

Oleh **BAHAROM MAHUSIN**

KUALA LUMPUR 14 Sept. — (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) memberi jaminan kepada rakyat bukan Islam negara ini bahawa dasar toleransi terhadap agama dan kebudayaan mereka akan tetap diteruskan meskipun ketika itu bukan beliau yang memegang tampuk kerajaan.

Beliau percaya, kerajaan tidak akan mengamalkan fikiran sempit sebaliknya meneruskan sikap liberal dan terbuka terhadap budaya dan agama masyarakat bukan Islam.

Dr. Mahathir mengingatkan, rakyat bukan Islam tidak harus bimbang dengan masalah itu kerana sikap tolak ansur selama ini bukan hanya datang daripada beliau sebagai pemimpin.

Katanya, nilai-nilai menghormati kebebasan agama juga telah tertanam sejak sekian lama dalam diri kakitangan sektor awam di Malaysia dan terus disebarkan kepada seluruh lapisan masyarakat.

"Idea tentang toleransi akan tetap diteruskan walaupun selepas saya tidak ada lagi," kata Dr. Mahathir semasa sesi dialog dengan kira-kira 200 orang peserta Seminar Peran

an dan Pengaruh Agama dalam Masyarakat anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab satu soalan daripada salah seorang peserta bukan Islam yang bertanya mengenai nasib orang bukan Islam di Malaysia kelak selepas "Dr. Mahathir tidak ada lagi."

Peserta itu berkata beliau bimbang selepas Dr. Mahathir tidak ada nanti, kerajaan akan mengamalkan dasar-dasar Islam yang sempit dan bersifat menghalang.

Kekal

Perdana Menteri menjawab soalan itu dengan berkata bahawa beliau sedar bahawa "hidup di dunia ini hanya sementara dan tiada makhluk yang akan kekal.

"Bagaimanapun semasa kita hidup, seberapa boleh kita cuba menanamkan idea atau falsafah kita tentang pentingnya tolak ansur kepada seberapa ramai orang yang boleh.

"Ini supaya apabila seseorang itu tiada lagi, idea mereka mengenai pentingnya kehidupan rukun damai akan terus hidup. Saya tidak fikir rakyat Malaysia harus bimbang mengenai hal ini," kata Dr. Mahathir.

Semasa sesi dialog selama hampir dua jam itu, Perdana Menteri menjawab 20 soalan daripada para peserta yang terdiri daripada para pemimpin agama dan kaum, cendekiawan Islam, intelektual Barat, profesor universiti serta diplomat.

Sebahagian besar soalan peserta seminar tertumpu kepada isu sekularisme, peranan agama dalam pembangunan, kedudukan wanita dalam Islam, kelemahan umat Islam masa kini serta perihalan masyarakat Barat yang mengalami keruntuhan moral.

Seminar empat hari tersebut bertujuan untuk menemukan pandangan agama yang berbeza dan menempatkan semula agama pada perspektif yang sewajarnya.

Menurut Dr. Mahathir, dalam mengejar pembangunan dan keuntungan material, agama memainkan peranan penting bagi menjamin kewujudan sebuah masyarakat yang seimbang dari segi kebendaan dan spiritual.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai wawasan menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan kemajuan yang dicita-citakan mesti seimbang dalam semua bidang termasuk dari segi moral rakyat ser-

ta kerukunan hidup pelbagai kaum dan agama.

Katanya, masyarakat yang ingin dilahirkan ialah masyarakat yang mempunyai nilai-nilai baik dan nilai-nilai ini dijadikan unsur utama dalam pembangunan manusia dan masyarakat keseluruhannya.

"Kita bukan setakat mahu sebuah negara yang mempunyai pendapatan per kapita RM40,000. Itu tidak cukup. Bagi kita, manusia perlu kembali kepada agama untuk mewujudkan dalam diri mereka nilai-nilai baik" katanya.

Kembali

Katanya, tanpa mengira apa agama mereka sama ada Islam, Kristian, Buddha atau Hindu, manusia perlu kembali mendampingi agama agar mereka mempunyai tujuan hidup dan nilai-nilai yang seimbang.

Dr. Mahathir menegaskan, masyarakat Barat yang tidak mengutamakan agama dan menganggap ia tiada kaitan dengan pembangunan masyarakat dan negara telah menerima kesan buruk akibat pemalangan daripada agama.

"Institusi kekeluargaan dan perkahwinan yang telah runtuh adalah bukti

kemerosotan ini. Apabila seorang wanita dibenarkan melahirkan anak tanpa perlu berkahwin dan mematuhi tuntutan agama misalnya, masyarakat akan merosot.

"Apabila institusi kekeluargaan hancur, anda seterusnya menghancurkan keseluruhan masyarakat. Masyarakat bukan individu tetapi dibentuk oleh manusia yang mempunyai

hubungan antara satu sama lain," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia,

undang-undang ketat misalnya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) diperlukan untuk mencegah perbuatan menghasut yang boleh membawa pergaduhan kaum.

diberi jaminan